

rancangan mengurangkan keluarga itu. Diharap sangat nanti kerajaan berhati-hati melaksanakan soal ini kerana sekiranya ada terjadi paksaan-paksaan atau yang berupa sifat perintah bagi melaksanakan melakukan paksaan-paksaan atau dibuat sebagai perintah yang mesti dipatuhi sudah tentu akan merosakkan hubungan di antara agama yang menegah rancangan keluarga itu dengan pihak kerajaan kerana kecuaian dan keteledoran pegawai-pegawai itu.

Patut disebut bahawa agama Islam di dalam rancangan keluarga ini, adalah meliputi kepada hukum: (1) Wajib sekiranya berbahaya kepada keselamatan nyawa setelah diselidiki oleh ahlinya; (2) Haram jika mengantungkan kerana tidak terbelanjai atau tidak tertanggung – kerana seolah-olah tidak mempercayai kepada iman atas Allah. (Kita telah pernah menulis di dalam soal ini dengan panjang sehingga dua kali keluaran dan *in shā'a Allāh* kita akan peturunkan semula sama ada di dalam majalah ini ataupun berupa risalah).

Tuan Haji Sanusi Mahmud Yang Dipertua Mahkamah Syariah pernah memberi ucapan di dalam radio mengenai persoalan ini sebagai seorang pegawai kerajaan dan beliau tidak berani dengan jelasnya mengharuskan sekatkan keluarga ini bagi orang Islam. Mungkin beliau mendapati bahawa tidak ada jalannya untuk mengharuskan itu di dalam hukum-hukum Islam dan kerana itu maka di dalam soal-soal yang semacam ini apabila orang-orang Islam datang ke klinik kerajaan, terutamanya perempuan-perempuan janganlah hendaknya ada ugutan-ugutan atau hasutan-hasutan supaya mereka mengikut sesuatu yang bertentangan dengan ajaran agamanya. Jika yang demikian ini dibuat dan tidak diendahkan oleh kerajaan dengan sendirinya tidak dapat dielak sentimen-sentimen agama akan naik dan sebelum sentimen-sentimen ini naik berkewajipan kerajaan menjaga dan mengawal supaya jangan berbangkit atau timbul sesuatu perkara yang tidak diingini.

* * *

“Mulut Kamu Harimau Kamu”

Singapura walaupun ia sebuah pulau yang kecil, dengan keluarnya daripada Malaysia telah menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Negara Singapura telah diterima menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan dengan itu ia telah menjadi sebuah negara, walaupun kecil duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang lain.

Dengan berdaulatnya negara Singapura ini, sebagai sebuah negara tentulah sedikit sebanyak menghadapi beban sebagai sebuah negara, mempunyai kerajaan yang memerintah dan mentadbirkan negeri, mempunyai tentera untuk mengawal sempadan-sempadannya, mempunyai polis yang lengkap bagi mengawal kesejahteraan dan keamanan dalam negeri bagi penduduk yang mengandungi dua juta manusia. Selain daripada itu, bertanggungjawab pula kerajaan yang mentadbir itu bagi meninggikan taraf hidup, kesejahteraan dan kemakmuran negara penduk¹ negara ini sendiri.

Kalau di dalam Malaysia dahulu banyak tanggungan-tanggungan yang dipikul bersama di antara Malaysia tetapi sekarang pikulannya dipikul oleh negara Singapura sendiri – perbelanjaan diplomat di negeri asing sebagai tambahan yang besar, mengadakan batalion-batalion tentera negara juga tanggungan sendiri.

Juga perkembangan hidup Singapura tidaklah dapat bergantung pada diri sendiri kerana tidak ada bahan-bahan mentah untuk menghidup dan mengisi industri-industri yang dibina dan kerana hampir-hampir semuanya segala jentera yang dijalankan bergantung kepada bahan-bahan dari luar dan bergantung kepada sifatnya menjadi persinggahan di antara timur dan barat.

Kerana keadaan inilah menjadi suatu peringatan kepada kerajaan yang memerintah bahawa untuk keselamatan negara

¹ Perkataan sebenar ialah penduduk.

hendaklah ia menjadi sebuah negara yang tidak memihak ke mana-mana dan hendaklah dicari jalan sedapat-dapatnya mencari kawan sebanyak-banyaknya dan menjauhkan daripada bermusuh-musuhan dengan mana-mana negara jua pun dengan menggunakan kebijaksanaan – dan menjauhkan daripada menggunakan sentimen-sentimen politik yang boleh merosakkan hubungan terutamanya dengan dunia luar.

Perkara-perkara yang umpamanya boleh dipandang tidak perlu, menurut pendapat kita, seperti yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri Singapura dalam perkara kohnnya suatu suapan dari pihak Amerika dalam kisah empat tahun yang lalu dibongkar-bongkar tidak ada memberi manfaat kepada negara selain daripada menimbulkan kecemburuan di antara satu sama lain padahal dari mana pun, menurut pendapat kita, sahabat mesti dicari untuk manfaat kepada rakyat. Begitu juga tentang kenyataan yang dibuat di atas pangkalan British di Singapura dan sebagainya itu, ada lebih baik kalau tidak disebut kalau sekadar hanya menunjukkan kedaulatan kita sendiri.

Dalam masa kita mencari manfaat untuk penduduk dan negara maka maka pemerintah telah wajarnya mengubah kebiasaan lantang dalam bercakap dan tiap-tiap percakapan mestilah difikir sebaik-baiknya dengan tidak bakal menimbulkan sesuatu yang boleh merugikan kepada negara dan rakyat terutamanya dalam negara seperti kita ini yang menggantungkan segala-galanya di atas berbaik-baik dengan jiran dan orang lain.

Ke dalam pula, adalah sangat kurang bijak sekiranya pihak kerajaan sentiasa menghidup-hidupkan perkara yang boleh membangkitkan sesuatu golongan tidak berpuas hati terutamanya di dalam golongan-golongan yang tidak menyertai mana-mana parti politik. Amaran-amaran seperti yang diucapkan oleh Menteri Hal Ehwal Kebajikan Masyarakat umpamanya di dalam majlis-majlis agama memberi amaran-amaran tentang boleh menghukum orang-orang yang menggunakan “sentimen-sentimen agama” dengan selalu.



Gamal Abdel Nasser berpakaian ihram umrah tatkala berada di Mekah kerana menyelesaikan masalah Yaman.

itu tidak bermakna amaran itu boleh meredakan perasaan dan menakut-nakutkan orang terutamanya golongan agama bahkan menimbulkan rasa tak puas hati terhadap kerajaan.

Kita yakin cara yang demikian ini ialah cara yang tidak bijak dan berbahaya untuk keselamatan dan kesejahteraan di dalam negara sendiri. Sebaik-baiknya pihak kerajaan, dalam soal-soal ini memerhati perkataan-perkataan Hamka yang menjadi tajuk rencana ini, bahawa perkataan-perkataan kita itulah, kalau tidak dijaga akan merosakkan dan mencacatkan segala tujuan-tujuan baik iaitu dengan kata Hamka: “Mulut kamu harimau kamu”.